

# ISYTIHAR DARURAT IKLIM!

## MEMORANDUM KAMY

1. Ahli Parlimen dan Menteri mengambil isu perubahan iklim sebagai satu krisis dan isytihar DARURAT IKLIM
2. Perubahan yang adil ke arah ekonomi rendah karbon yang mampan
3. Perketatkan undang-undang alam sekitar dan penguatkuasaan
4. Akses kepada data yang telus, dan lebih akauntabiliti dan integriti daripada kerajaan pusat dan negeri.
5. Prioriti terhadap adaptasi yang berdasarkan ekosistem dan alam semulajadi untuk menangani kesan perubahan iklim
6. Sistem penggunaan tanah mampan yang mengutamakan alam sekitar dan manusia (Manusia dan Alam Sekitar sebelum Keuntungan)
7. Keadilan dalam pengagihan polisi bagi Orang Asli dalam urusan hak milik tanah berdasarkan FPIC, 'Free Prior Informed Consent'
8. Masyarakat celik dan sedar tentang perubahan iklim
9. Kemampanan dan daya tahan iklim sebagai prasyarat untuk kelulusan projek infrastruktur

Klima Action Malaysia (KAMY) ialah satu pergerakan aman yang menyeru kepada pendekatan demokratik dan adil dalam tindakan untuk membendung perubahan iklim di Malaysia.

**KAMY menuntut perubahan sistem !**

Info KAMY boleh dibaca di sini

[bit.ly/KlimaAction](https://bit.ly/KlimaAction)



# MISI KAMY

Mengadakan perbincangan bersama organisasi alam sekitar dan organisasi hak asasi manusia di Malaysia bagi mengumpul permintaan yang menyeluruh dan terperinci untuk dibentangkan kepada Kerajaan.

Memulakan kempen "Citizen Assembly" yang memberi platform untuk perwakilan dari masyarakat berkumpul untuk belajar dan memperdebatkan masalah sehingga menemukan solusi terbaik.

Merumuskan dan mendokumentasikan tuntutan dan solusi tersebut dalam sebuah memorandum yang efektif - dipresentasikan di Parlimen.

Menganjurkan protes, perhimpunan, perarakan, acara, latihan, bengkel dan lain-lain untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap perubahan iklim di Malaysia & melobi perubahan aktif dan segera dalam dasar.

## AMBIL TINDAKAN!

Apabila kerajaan gagal untuk menjamin perlindungan, keselamatan dan kesejahteraan rakyatnya dan masa depan negara, adalah menjadi hak dan tanggungjawab rakyat untuk bersuara!

Kita mempunyai 11 tahun sebelum suhu bumi naik ke aras 1.5 °C, satu tahap bahaya yang menyaksikan kemusnahan alam semulajadi, yang merupakan asas kepada ekonomi dan kehidupan manusia. Dan ancaman ini sudahpun bermula di Malaysia. Kita perlu tindakan segera & langsung!

Kemusnahan ekologi dan hidupan liar tidak boleh dibiarkan terabai oleh pihak yang tidak beretika dan korup.

Kami menggesa semua pihak untuk menyedari berapa kritikalnya isu perubahan iklim dalam pergerakan sosio ekonomi dan politik negara. Bolehkah masa hadapan Malaysia bertahan jika kita terus berdiam diri?

Generasi muda kita akan mewarisi legasi kemusnahan dan bakal menunding jari kepada kegagalan kita untuk bertindak. Malaysia berdepan dengan satu krisis eksistensial!

**KAMY menggesa semua pihak dari pelbagai latar belakang, lapisan sektor dan masyarakat untuk menggesa ahli politik negara supaya mengambil isu perubahan iklim sebagai satu KRISIS!**